



# PROFIL PENAGIHAN DAN JENIS KESALAHAN JENYAH DALAM KALANGAN PENAGIH DADAH DI MALAYSIA

## ABSTRAK

Kajian berbentuk kuantitatif ini dilaksanakan terhadap penagih yang sedang menjalani program pemulihan di 18 pusat pemulihan, Care and Cure Rehabilitation Center 1Malaysia (CRCC) di seluruh Negara termasuk Sabah dan Sarawak. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti profil penagihan dan jenis salah laku jenayah yang dilakukan oleh penagih di Malaysia. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina khas bersesuaian dengan keperluan mencapai objektif kajian yang digariskan. Selain daripada itu, kaedah temubual kepada beberapa orang responden yang dipilih secara rawak mudah bagi setiap pusat juga telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 3,703 orang responden yang sedang menjalani program pemulihan kajian, telah berjaya dilibatkan dalam kajian ini. Tumpuan utama kajian ini adalah cuba mendapatkan maklumat secara menyeluruh berkaitan dengan latar belakang penagih, sejarah penagihan, amalan penagihan, jenis dadah yang biasa digunakan serta perbelanjaan yang diperlukan untuk membeli dadah, jenis kesalahan jenayah yang mereka lakukan dan hubungannya dengan jenis dadah yang mereka gunakan. Data-data yang diperolehi diproses menggunakan SPSS Version V22, kemudiannya dianalisis berdasarkan kekerapan dan pemeratusan. Hasil kajian ini dapat membuktikan kebenaran bahawa kebanyakan kes-kes kesalahan jenayah yang berlaku di Malaysia, ada kaitan dengan perbuatan penagih terutama dari aspek kesalahan pecah rumah ( mencuri ), mencuri kenderaan, meragut/pick pocket, mencederakan orang, serta menyamun tanpa senjata. Keduanya ramai dalam kalangan penagih terdiri daripada belia yang berumur antara 20 hingga 29 tahun yang kebanyakan mereka ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah, tahap pendidikan akademik dan agama yang rendah. Terdapat empat jenis dadah utama yang sering digunakan oleh penagih di Malaysia iaitu; i) Heroin, ii) Morfin, iii) Syabu/Ais/Kristal, dan iv) Ganja/Cannabis/Marijuana/Hasish. Kajian juga mendapati bahawa masih terdapat ramai penagih yang dimasukkan di CCRC secara berulang-ulang kali bagi kesalahan jenayah yang sama. Faktor program yang dilaksanakan, fasiliti dan persekitaran CCRC serta semua individu yang terlibat dalam program juga mempengaruhi kejayaan dan keberkesanan usaha

## PENGENALAN

Bilangan CCRC, bilangan responden terlibat serta bilangan responden yang tidak boleh membaca:

Bil	CCRC	Bil Responden Yang Terlibat Dalam Kajian	Bil Responden Tidak Boleh Membaca
1.	Sabah (Papua)	145	46
2.	Sarawak (Kuching)	132	38
3.	N. Sembilan (Jelebu)	243	50
4.	Muar	205	43
5.	Kota Tinggi	137	30
6.	Pahang (Karak)	202	25
7.	Pahang (Benta)	249	34
8.	Pahang (Gambang)	254	38
9.	Pahang (Bau)	267	60
10.	Melaka	170	42
11.	Selangor	202	37
12.	Kedah	222	29
13.	Pulau Pinang	248	48
14.	Perlis	226	48
15.	Perak (Perlip)	220	45
16.	Perak (Batu Kawan)	148	38
17.	Kelantan (Fkl)	273	27
18.	Kelantan (Bachoki-Perempuan)	142	10
	Jumlah	3,703	718

Taburan bilangan responden berdasarkan jantina:

Bil	Jantina	Responden	Persatus
1.	Lelaki	3,561	96.2
2.	Perempuan	142	3.8
	Jumlah	3,703	100

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk :

- Untuk mendapatkan profil penagih dadah di Malaysia dari aspek sosioekonomi, demografi dan latar belakang keluarga yang terlibat dengan jenayah.
- Untuk menentukan perkaitan antara pengambilan dadah dalam kalangan penagih dengan bentuk jenayah yang dilakukan.

## METODOLOGI KAJIAN

Seramai 3,703 orang responden yang sedang menjalani program pemulihan kajian telah dipilih untuk terlibat di dalam kajian ini. Responden adalah terdiri daripada pelatih yang sedang menjalani program pemulihan di 18 buah pusat pemulihan, Care & Cure Rehabilitation Center 1Malaysia (CCRC) di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kajian ini menggunakan borang kaji selidik serta kaedah temubual sebagai instrumen kajian. Pemilihan responden dilakukan dengan menggunakan kaedah rawak mudah.

## RUMUSAN KAJIAN

Ringkasan Keseluruhan Dapatkan Kajian 1 berkaitan dengan jenis dadah yang diambil dan juga kaitannya dengan jenis kesalahan jenayah (keseluruhan)

Jenis Dadah	Pecah rumah	Mencuri kenderaan	Menyamun tanpa senjata	Menyamun dengan senjata	Mencederakan orang	Vandalisme	Penipuan kad kredit	Meragut pick pocket	Mengambil dadah bukan kesalahan	Lain-lain kesalahan	Tiada	Jumlah Keseluruhan
Ganja/Cannabis/Marijuana/Hasish	6	11	13	5	9	6	7	49	69	99	12	284
Syabu/ Ice/Kristal	27	35	20	19	27	32	14	156	219	280	25	846
Heroin	1	10	6	1	1	1	0	12	26	32	2	83
Morfina	1	1	1	0	1	1	1	4	4	11	1	28
Heroin	126	93	81	23	64	83	32	277	465	544	80	1,872
Morfina	22	28	15	4	16	26	20	97	133	172	23	556
Kokain	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Bachbros/Heroin	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2
LSD/psydeldia	0	1	0	0	0	0	0	0	1	2	0	4
Lain-lain	0	1	3	0	0	0	0	0	0	3	1	8
Tiada	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	183	181	139	44	118	153	76	593	927	1,141	146	5,703

## RUMUSAN KAJIAN

Ringkasan Keseluruhan Dapatkan Kajian 2 rumusan dapatan kajian jenis dadah diambil dan hubungannya dengan jenis kesalahan yang dilakukan

Bil.	Jenis Dadah	Jenis Kesalahan	Bil Responden
1.	Heroin	Meragut/Pick Pocket/Mencuri	277
2.	Syabu/Ice/Kristal	Meragut/Pick Pocket/Mencuri	156
3.	Heroin	Pecah rumah/mencuri	126
4.	Morfina	Meragut/Pick Pocket/Mencuri	97
5.	Heroin	Mencuri Kenderaan	93
6.	Heroin	Vandalisme	85
7.	Heroin	Menyamun Tanpa Senjata	81
8.	Ganja/Cannabis/Marijuana/Hasish	Meragut/Pick Pocket/Mencuri	49
9.	Heroin	Penipuan Kad Kredit	32
10.	Heroin	Menyamun Dengan Senjata	25
11.	Syabu/Ice/Kristal	Menyamun Dengan Senjata	10

## CADANGAN KAJIAN

- Satu kajian secara mendalam perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti punca sebenar mengapa banyak Melayu terlibat dalam penagihan dadah memandangkan dapatan kajian ini menunjukkan hampir 80% penagih adalah terdiri dari bangsa Melayu.
- Kaedah pemulihan yang lebih berkesan harus difikirkan dan dirangka agar mereka tidak akan kembali semula untuk terlibat dalam penagihan dadah.
- Dicadangkan agar pihak AADK melihat kembali program-program yang dilaksanakan di CCRC seluruh Malaysia dan juga melihat keberkesanannya dari aspek pelaksanaan, kemudahan infrastruktur dan tenaga pengajar yang bersesuaian dengan kehendak yang hendak diterapkan
- Satu pelan strategi jangka panjang dan holistik bagi membentasi dan membendung gejala penagihan dadah dalam kalangan penagih perlu dirancang secara menyeluruh dan bersepadu agar masalah dadah di Negara kita Malaysia ini dapat dikurangkan.



Ketua Penyelidik :  
Prof. Madya. Dr. Yahya Bin Buntat  
Jabatan Pendidikan Teknik & Kejuruteraan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru, Malaysia.  
Tel : +707- 553 5656  
E-mail : [p-yahya@utm.my](mailto:p-yahya@utm.my)

Commercialize-Contract :  
Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia,  
Kementerian Dalam Negeri,  
Jalan Maktab Perguruan Islam,  
43000 Kajang, Malaysia.  
Tel : +603 - 8911 2200  
Faks : +603 -8926 2055  
Web : <http://www.adk.gov.my>

Ahli Penyelidik :

- Prof. Madya. Dr. M.Khata Jabor (UTM)
- Dr. Ahmad Johari Bin Sihes (UTM)
- Dr. Al. Muz.Zamil Bin Yasin (UTM)
- Dzulkhisham Rahmat @ Rahaman (IPSOM)
- Adnan Atan (IPSOM)
- Surayati Ibrahim (IPSOM)
- Mohd.Fairuze Mohd Fadzil (IPSOM)